

→ MUKA SEPULUH

UMNO, PAS boleh belajar politik anomali Jokowi

Meskipun Indonesia mengamalkan demokrasi terbuka dan melarang sebarang kempen menyentuh soal suku, agama, ras dan antara golongan (SARA), isu agama masih lagi faktor relevan dalam kalangan rakyat Indonesia, khususnya masyarakat Islam”

Esok, negara jiran akrab kita, Indonesia akan menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-73. Namun, di sebalik detik menjelang kemerdekaan republik itu, banyak pihak memperkatakan mengenai pemilihan presiden yang dijadual berlangsung tahun depan.

Polemik pemilihan semakin hangat apabila calon presiden memilih calon wakil mereka sebagai pasangan. Paling mengujakan ialah keputusan Presiden Joko Widodo atau Jokowi memilih tokoh agama, Ma'ruf Amin sebagai gandingannya.

Pemilihan Ma'ruf sememangnya mengejutkan banyak pihak kerana beliau adalah ulama tersohor yang kini memegang jawatan sebagai Ketua Majlis Ulama Indonesia (MUI).

Indonesia ialah negara yang sangat mengamalkan kebebasan dan keterbukaan. Malah, amalan demokrasi liberal yang mengutamakan kebebasan individu jelas kelihatan apabila memberarkan perkahwinan campur antara agama sebagai contohnya.

Justeru, tiada siapa yang dapat menjangka bahawa Jokowi akan memilih seorang ulama dan tokoh agama sebagai pasangannya

dalam pemilihan presiden tahun depan.

Inilah yang digambarkan sebagai politik anomali Jokowi, yang disifatkan satu hal luar biasa dan lari daripada kelaziman.

Ulama lawan usahawan

Calon lawan, Probowo Subianto memilih Sandiaga Salahuddin Uno yang berusia 49 tahun sebagai pasangannya. Pemilihan Sandiaga yang pernah menjadi Wakil Gabenor Jakarta, dilihat boleh menarik sokongan pengundi muda khususnya.

Sandiaga yang mendapat pendidikan Barat juga seorang usahawan dan pemodal yang terkenal di Indonesia.

Berbeza dengan Sandiaga, Ma'ruf ialah ulama berusia 75 tahun, pernah menganggotai Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) atas tiket Partai Kebangkitan Bangsa (PKB), parti didukungi bekas Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid atau Gus Dur.

Pemilihan Ma'ruf sebagai calon wakil Presiden membuka beberapa persoalan. Pertama, faktor agama diyakini masih penting dalam wacana politik Indonesia.

Ketika menjelaskan mengapa Ma'ruf dipilih sebagai calon wakil presiden, Jokowi berpandangan

DARI KACA MATA

→ Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain
Profesor Madya Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)



kehadiran ulama itu sebagai pakar ekonomi Islam bijaksana boleh membantu ekonomi Indonesia, khususnya ekonomi umat Islam.

Jokowi berkata: “Sebagai negara dengan penduduk Muslim terbesar, kita harus mengatasi masalah kemiskinan kesenjangan (ketidakseimbangan) dengan memperkuat ekonomi umat”.

Pandangan ini sangat besar maknanya dan ia digambarkan sebagai mendukung ekonomi syariah bersumber ajaran Islam yang dapat membawa lebih banyak keadilan ekonomi bagi masyarakat.

Kedua, kempen pemilihan dijangka tidak akan terlepas dari pada ungkapan agama.

Sebagai tokoh agama berpengalaman dan ramai pengikut, kempen Ma'ruf sudah tentu akan menyentuh isu agama yang dapat menarik sokongan pengundi khususnya masyarakat Islam.

Pihak lawan pula dijangka menentang kempen Ma'ruf dengan menggambarkan ulama itu memanipulasikan agama demi keuntungan politik.

Isu agama relevan

Meskipun Indonesia mengamalkan demokrasi terbuka dan melarang sebarang kempen menyentuh soal suku, agama, ras dan antara golongan (SARA), isu agama masih lagi faktor relevan dalam kalangan rakyat Indonesia, khususnya masyarakat Islam.

Ada pihak berpandangan pemilihan Ma'ruf sebagai gandingan Jokowi sebagai langkah untuk menyantuni semula sokongan masyarakat Islam yang pernah memburuk, iaitu selepas isu Basuki Tjahaja Purnama atau Ahok menghina Islam sebelum ini.

Jika kita masih ingat, Ahok telah didakwa mempergunakan ayat al-Quran dalam ucapan ketika bertemu masyarakat di Kepulauan Seribu pada 27 September 2016.

Beliau memetik ayat 51, Surah al-Maidah yang berkisar larangan bagi umat Islam mengambil orang Yahudi dan Nasrani sebagai pemimpin mereka.

Ahok didakwa mempergunakan ayat suci itu sebagai contoh untuk mengaitkan masyarakat Islam tidak boleh memilih beliau kerana diperdaya dengan tasfir ayat terbabit yang melarang memilih atau mengundi pemimpin bukan Islam.

Ucapan Ahok dilihat sebagai tindakan menghina masyarakat Islam yang dibelenggu dengan

ayat al-Quran berkenaan, agar tidak boleh memilih pemimpin selain Islam.

Lebih malang, beliau didakwa menghina kesucian ayat al-Quran yang mengandungi ketinggian hikmah.

Kes ini menghantar Ahok ke penjara, menjalani hukuman selama dua tahun dan turut memadamkan harapan beliau sebagai calon yang boleh mengantik Jokowi.

MUI berpandangan pernyataan Ahok sebagai satu pendustaan kepada agama Islam dan penghinaan terhadap ulama. Ia juga mengingatkan semua pihak, sama ada pemerintah atau rakyat wajib menjaga harmoni kehidupan beragama.

Pada masa sama, kes Ahok menjadi pengajaran kepada mana-mana ahli politik agar tidak bermain api dengan mengeluarkan kenyataan yang boleh menghina agama Islam.

Meskipun tidak dinafikan faktor agama masih berpengaruh dalam politik Indonesia berdasarkan perbincangan sebelum ini, pemilihan Ma'ruf oleh Jokowi sebagai gandingan beliau tetap dianggap satu kelainan.

Apatah lagi, Jokowi mewakili Partai Demokrasi Indonesia-Perjuangan (PDI-P) yang berpegang teguh kepada ideologi nasionalisme.

Dalam konteks demokrasi Indonesia yang sangat terbuka dan liberal, Jokowi sebenarnya telah membuat pilihan yang luar biasa dan kelaziman dengan memilih seorang Islamis sebagai calon wakil presidennya.

Namun, ini dapat difahami apabila Jokowi sedar, untuk memimpin negara yang mempunyai jumlah Muslim paling ramai di dunia, beliau perlu mendapat sokongan dan mandat umat Islam.

Insiden Ahok yang tidak menghormati suara umat Islam menjadi pengajaran.

Hakikatnya, politik anomali oleh Jokowi ini sangat menarik untuk diperhatikan, malah beliau sendiri menyifatkan gandingannya dengan Ma'ruf sebagai gandingan di antara nasionalis dan agamawan atau Islamis.

Jika dikaitkan dengan politik Malaysia pula, gandingan Jokowi dan Ma'ruf ini bagaikan gandingan dan kerjasama di antara UMNO dan PAS.

Mungkin kedua-dua parti Melayu Islam ini boleh belajar daripada apa yang telah ditunjukkan Jokowi dalam politik anomali.

Sidang redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Dato' Yushaimi Yahaya
yushem@nst.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP
Saidon Idris
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Berita Harian
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-226787 Faks: 03 20567081
Laman Web: www.bharan.com.my E-mel: bhrenca@bh.com.my